

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 Pendahuluan

Bahasa merupakan satu wahana untuk melahirkan fikiran dan mesej yang baik untuk disampaikan. Ia mengambil kira setiap perkara yang ingin dibincangkan. Justeru itu, tidak mengira dalam apa cara penyampaian sekalipun sama ada melalui penulisan dan percakapan, berpandukan pemikiran yang waras dapat menghasilkan tindak balas komunikasi yang baik.

Budaya setempat juga dapat menjadi medan penerokaan pengkajian bagi melebarkan lagi ruang pengetahuan berkenaan sesuatu etnik masyarakat. Oleh itu, bahasa dan budaya yang berlandaskan pemikiran menjadi punca kepada hubungan komunikasi yang berjalan lancar.

Pengkajian berkenaan teks Sejarah Melayu ini memberikan kefahaman kepada pengkaji tentang pemikiran pengarang yang mengarang cerita berpandukan kepada zaman-zaman kegemilangan kerajaan Melayu suatu ketika dahulu. Ia memberi gambaran tentang kehidupan sosial masyarakat Melayu tradisi yang kaya dengan budaya kesantunan peribadi yang tinggi. Gambaran tentang konsep masa dijemakan melalui konteks ayat yang membawa pembaca memahami jalan cerita dengan lebih mendalam. Ini jelas adanya penceritaan tentang malam dua puluh tujuh Ramadan yang masih menjadi budaya masyarakat Melayu Islam hingga kini. Walaupun tidak semestinya malam lailatul qadar berlaku pada malam dua puluh tujuh (27) Ramadan tetapi, hingga

kini budaya memasang lampu pada malam tersebut dan hingga berakhirnya Ramadan masih diamalkan hingga kini.

5.1 Kesimpulan dan Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat membuat kesimpulan dalam perkara-perkara berikut:-

- Setelah melakukan pengkategorian, pengkaji dapat mengesan bentuk perkataan dan ungkapan yang menggambarkan konsep masa. Ada perkataan masa yang mengikut konsep kitaran musim seperti musim bulan puasa iaitu bulan Ramadan dan musim perayaan, yakni hari raya.
- Perkataan seperti *sahibul hikayat*, *syahdan* dan *sebermula* sudah tidak digunakan lagi dalam bahasa Melayu sekarang. Ia tergolong dalam perkataan yang digunakan dalam penulisan sastera klasik.
- Berdasarkan kajian terhadap bilangan penggunaan dan peratusan kekerapan, pengkaji mendapati perkataan *maka* merupakan jumlah yang paling kerap dan tinggi digunakan dalam kajian ini iaitu sebanyak 601 kali. Dapatan sebegini bertepatan dengan kenyataan Umar Junus (2001) bahawa *maka* merupakan salah satu ciri penggunaan wacana sebelum abad ke 20.
- Masyarakat Melayu lama sebenarnya kaya dengan kosa kata yang berkaitan dengan masa tanpa kita sedari. Mereka berjaya menghasilkan satu karya sastera sejarah yang ulung dan dapat diwariskan kepada generasi akan datang.

- Konsep masa ternyata tidak dapat lari dengan kehidupan manusia. Ibarat pepatah lama menyebut masa itu emas bertepatan dengan tajuk yang dikupas oleh pengkaji berkaitan dengan masa dalam sastera klasik yang dikaji.

5.2 Cadangan dan Implikasi

Berikut ini dikemukakan beberapa cadangan bagi mengetengahkan konsep masa dalam bahasa:-

- Kajian berkenaan konsep masa dan ruang yang menggunakan teks sastera moden sebagai bahan kajian. Ini kerana pada masa kini terdapat banyak teks sastera moden yang bermutu di pasaran. Perlu ada pengkaji yang mengkaji istilah baru mahupun perkataan baru yang memiliki gambaran tentang masa. Kemungkinan akan kita peroleh perbezaan daripada kajian yang dibuat.
- Kajian tentang pepatah Melayu lama yang kaya dalam sastera klasik yang ada kaitan dengan gambaran konsep masa itu sendiri. Hal ini akan dapat mempopularkan semula bahasa halus masyarakat Melayu lama yang kaya dengan kiasan dan teguran secara spontan.
- Dalam era kepesatan teknologi informasi dan teknologi maklumat ini, pengkaji mencadangkan agar perkataan yang ada gambaran tentang masa ini juga dikaji dengan membuat analisis wacana yang terdapat dalam laman-laman sembang di internet seperti *yahoo messenger*, *msn messenger* dan *mirc*. Kemungkinan kesan dan kajian yang dibuat akan memberikan jawapan tentang kerelevanan penggunaan sesuatu perkataan dalam memberi gambaran berkaitan dengan masa.

Secara kesimpulannya, pengkajian teks sastra klasik yang berkonsepkan sastra sejarah memerlukan kefahaman dan penumpuan yang tinggi dalam pembacaan. Agak sukar untuk memahami ayat-ayat dalam karangan jika tidak berminat untuk mengkajinya. Sejarah Melayu adalah hasilinggalan karya agung yang bermakna buat generasi akan datang. Walaupun telah lama dihasilkan dan makin dilupakan, namun bahan sejarahnya amat sesuai dikaji untuk menilai kebenarannya.